

<p><b>SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – INSURANS PERALATAN ELEKTRONIK</b>                  (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan <u>Insurans Peralatan Elektronik</u>. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terkandung di dalam polisi).</p>	<p><b>Rujukan Kami : 01/01/2010</b>                  Nama Penawar Khidmat                  Kwangan : <b>Uni.Asia General Insurance Bhd.</b>                  Nama Produk : <b>Insurans Peralatan Elektronik</b>                  Tarikh :</p>
--	---

**1. Apakah produk ini?**

**Insurans Peralatan Elektronik** adalah produk insurans untuk melindungi peralatan elektrik dan elektronik terhadap kerosakan dan kecurian seperti peralatan perubatan elektronik, peralatan komputer dan komunikasi, peralatan penyelidikan dan makmal, sistem trafik dan lain lain.

**2. Apakah perlindungan/ manfaat yang ditawarkan?**

Polisi ini mengandungi 3 Seksyen:

- **Seksyen I (Kerosakan Bahan – Perkakasan)**

Syarikat insurans akan membayar gantirugi kepada pihak yang diinsuranskan terhadap peralatan elektronik yang mengalami kerosakan secara tiba-tiba, selain dari yang dikecualikan dari polisi ini.

- **Seksyen II (Data Media Luaran – Perisian)**

Syarikat insurans akan membayar gantirugi pihak yang diinsuranskan jika data media luaran seperti di dalam Jadual termasuk informasi yang disimpan di dalamnya, yang dapat diproses dalam sistem EDP secara langsung, mengalami kerosakan material yang boleh digantirugi di bawah Seksyen 1 polisi ini, kos untuk mengembalikan data media luaran pihak yang diinsuranskan dengan menggantikan data media yang hilang atau rosak dengan bahan baru untuk menyalinkan maklumat yang hilang.

- **Seksyen III (Kenaikan Kos Kerja)**

Syarikat insurans akan membayar gantirugi pihak yang diinsuranskan untuk mana-mana perbelanjaan tambahan yang diperlukan untuk penggunaan alat EDP gantian yang tidak dilindungi di bawah polisi ini untuk jumlah yang tidak melebihi jumlah diinsuranskan yang dinyatakan di dalam Jadual, dengan syarat punca kerosakan boleh digantirugi oleh Seksyen 1 polisi ini.

Tempoh masa perlindungan adalah selama Satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

**3. Berapakah premium yang perlu dibayar?**

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada pelbagai faktor, termasuk jumlah diinsuranskan, liputan perlindungan, jenis peralatan elektronik dan lain-lain.

**4. Berapakah yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?**

Jumlah yuran dan caj-caj yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

Jenis	Jumlah
<b>Komisen yang dibayar kepada agen insurans</b>	15 peratus daripada jumlah premium
<b>Duti setem</b>	RM10.00
<b>Cukai perkhidmatan</b>	5 peratus daripada jumlah premium

**5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?**

Terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian ialah:

Jika berlaku tuntutan, anda mesti

- a) memberi notis dengan telefon atau faks dan juga secara bertulis dengan segera, dan menyatakan sebab dan tahap kerugian atau kerosakan.
- b) mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan tahap kerugian atau kerosakan.
- c) mengekalkan bahagian yang terjejas untuk di periksa oleh pihak kami atau juruukur.
- d) memberikan semua maklumat dan dokumen yang diperlukan sebagai bukti.

e) memberitahu polis jika berlaku kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kecurian atau rompakan.

**6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?**

- a) kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kegagalan atau gangguan dari mana-mana perkhidmatan atau pembekalan gas, air atau elektrik.
- b) kerugian atau kerosakan akibat penggunaan alat secara berterusan (seperti. kehausan and keusangan, berlubang, hakisan, pengaratan, kerak) atau merosot secara beransur-ansur disebabkan oleh keadaan atmosfera.
- c) mana-mana kos yang ditanggung untuk menyelenggara butiran yang diinsuranskan.
- d) kerugian atau kerosakan yang patut ditanggung oleh pengilang atau pembekal bahan yang diinsuranskan samada mengikut undang-undang atau berdasarkan kontrak.

*(Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.)*

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimanakah caranya?**

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis 14 hari secara bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dilakukan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan kepada tempoh insurans yang belum luput. Walau bagaimanapun, sebarang bayaran premium minimum yang dibayar bagi polisi tersebut tidak akan dibayar balik.

**8. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat surat-menyurat/maklumat peribadi saya?**

Adalah penting anda memberitahu syarikat kami sekiranya terdapat perubahan pada maklumat peribadi anda. Ini untuk memastikan semua surat-menyurat dapat dihantar pada masa yang ditetapkan.

**9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila layari laman web kami di [www.uniasiageneral.com.my](http://www.uniasiageneral.com.my) atau rujuk kepada pejabat cawangan kami.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Uni.Asia General Insurance Berhad**  
**Tingkat 9, Menara Uni.Asia,**  
**1008, Jalan Sultan Ismail,**  
**50250 Kuala Lumpur.**  
**Talian Bebas Tol: 1-800-888-990**  
**Tel : 03-2693 8111**  
**Faks : 03-2693 0111**  
**[www.uniasiageneral.com.my](http://www.uniasiageneral.com.my)**

**NOTA PENTING:**

**ANDA MESTI MEMASTIKAN BAHAWA HARTABENDA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG TEPAT. ANDA DINASIHATKAN MEMBACA SERTA MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula Mac 2010.